

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	11 October 2015

Jadikan bersukan amalan hidup kita – Najib

mm
11/10/2015

SHAH ALAM 10 Okt. – Datuk Seri Najib Tun Razak tidak mahu Hari Sukan Negara diraikan sebagai satu sambutan semata-mata sebaliknya perlu menjadi pencetus kepada budaya bersukan dalam kehidupan seharian setiap rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, amalan sedemikian mampu menjadikan mereka lebih sihat dan cergas sekali gus dapat menghindari daripada pelbagai jenis penyakit.

“Konsep Hari Sukan Negara ialah hari-hari kita bersukan. Kalau tidak dapat buat sejam sehari, buat setengah jam. Kalau tidak dapat setengah jam, regangan otot puri tidak mengapa.

“Mari kita jadikan Hari Sukan Negara untuk mentransformasikan bersukan sebagai satu budaya dan cara hidup rakyat Malaysia.

“Jika begitu, bilangan yang hidup hipertensi, stres akan berkurangan. Yang terlalu banyak lemak (obesiti) juga akan berkurangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Sukan Negara di kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusu dan Naib Canselor UiTM, Profesor Tan Sri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar.

Najib menambak apabila penduduk negara ini sudah mencapai tahap kebudayaan sukan sebagai amalan seharian, maka untuk menjadikan ramai jajah sukan yang hebat juga tidak mustahil tercapai.

Jika kita berbudaya sukan maka dengan sendirinya (mencari pengganti) terjawab apabila ribuan anak muda akan tampil sendiri untuk bertanding di peringkat tertinggi dunia.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Jelasnya, meskipun mampu melahirkan jajah sukan dunia seperti Datuk Nicol David (skuasy) dan Datuk Lee Chong Wei (badminton) namun sehingga kini negara masih mencari pengganti kedua-duanya.

“Jika kita berbudaya sukan maka dengan sendirinya (mencari pengganti) terjawab apabila ribuan anak muda akan tampil sendiri untuk bertanding di peringkat tertinggi dunia,” ujarnya.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia diakui sebagai penganjur sukan dunia yang hebat tetapi dari segi keputusan pertandingan belum mampu mencapai kejayaan setaraf.

Sementara itu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut bersama-sama lebih 5,000 hadirin melakukakan aktiviti senaman diikuti acara berjalan sejauh dua kilometer.



KANAK-KANAK prasekolah menyertai pertandingan futsal sempena Hari Sukan Negara Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dataran Putrajaya, semalam. Tunut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor. – MINGGUAN/ZAKI AMIRUDDIN